

# Pasport

# Tunku Abdullah

# dirampas

KUALA TERENGGANU, Khamis — Kabinet semalam memutuskan pasport antarabangsa milik Pengerusi Kumpulan Melewar, Tunku Abdullah Tuanku Abdul Rahman dirampas kerana melawat Israel bulan lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata walaupun tindakan Tunku Abdullah dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet semalam, ia bukanlah agenda utama.

"Biasanya sesiapa sahaja yang menyalahgunakan pasport, kerajaan akan mengambil balik," katanya di Lapangan Terbang Sultan Mahmud di sini sebelum berlepas ke Langkawi, hari ini.

Bagaimanapun ketika ditanya mengenai kenyataan mengatakan pasport Tunku Abdullah sudah dirampas, Dr Mahathir berkata: "Yang itu saya tidak dengar. Barangkali sudah."

Dalam satu kenyataan sebelum ini, Tunku Abdullah mengesahkan beliau melawat Israel dan dijemput menemui Perdana Menteri, Yitzak Rabin dan Menteri Luar, Shimon Peres.

Menurutnya, jemputan itu sukar ditolak kerana beliau berada di negara berkenaan. Bagaimanapun Tunku Abdullah menyifatkan tindakan itu sebagai lawatan sosial semata-mata.

Bagaimanapun, katanya, perkara itu dipolitikkan kerana beliau adik kepada Yang di-Pertuan Agong.